

## **Kebolehpercayaan**

### **Rosly Bin Kayar**

Kebolehpercayaan merujuk kepada konsistensi responden memberikan jawapan.

Bermaksud apabila sesuatu ujian diuji semula atau diuji berulangkali ia akan menunjukkan hasil yang sama ( Uji-ulang-Uji ). Ini disebabkan kerana struktur soalan yang baik dan pemahaman responden yang tinggi bagi membolehkan mereka memberikan jawapan yang betul. Contoh: Sesuatu soalan akan menerima jawapan yang sama walaupun telah diuji berulangkali. Jika sesuatu soalan boleh memberikan jawapan yang sama setelah diuji semula soalan itu dianggap mempunyai kebolehpercayaan boleh mencapai keputusan yang tinggi.

Bagi mendapatkan kebolehpercayaan yang tinggi pengkaji boleh menggunakan beberapa kaedah. Soal selidik selalunya menggunakan kaedah bahagi dua, iaitu mempunyai dua item bagi satu perkara dengan menyoal satu perkara dua kali dengan menggunakan ayat yang berlainan. Kebanyakan pengkaji membina satu soalan positif dan satu soalan negatif untuk perkara yang sama. Satu lagi kaedah adalah dengan membina lebih daripada dua soalan untuk satu perkara. Kaedah ini menggunakan cara beberapa soalan untuk sesuatu konsep. Apabila responden memberikan jawapan yang sama untuk semua soalan tersebut, maka jawapan responden ‘boleh dipercayai’ atau mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi.

Contoh: Kaedah Soal Selidik.

Menggunakan Kaedah bahagi dua iaitu item bagi suatu soalan disoal sebanyak dua kali dalam ayat yang berbeza.

Soalan 1: Saya berpakaian kemas untuk kelihatan tampan.

Soalan 2: Apabila menghadiri kuliah, saya berpakaian kemas.

Apabila responden memberikan jawapan yang sama untuk semua soalan tersebut maka jawapan responden ‘boleh dipercayai’ atau mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Apabila sesuatu soalan diuji semula dan memberikan jawapan yang berbeza-beza kepada soalan yang sama maka soalan itu dianggap mempunyai tahap kesahan yang rendah. Puncanya mungkin kerana struktur soalan dan pemahaman mereka (puncak dalaman) atau pun responden tidak boleh memberikan jawapan betul kerana dihalang oleh faktor luaran (seperti faktor masa, suasana persekitaran, telah mengetahui soalan dan sebagainya).

Kadang kala terdapat pola yang tidak ‘logik’ apabila responden memberikan jawapan yang berbeza-beza untuk perkara yang sama. Sekiranya dipastikan ayat dan struktur adalah betul (kebolehpercayaan dalaman), situasi ini berlaku mungkin kerana faktor luaran iaitu responden tidak ikhlas, tidak membaca dengan teliti atau responden tidak berada dalam keadaan mental yang stabil ( dalam keadaan tertekan ). Perkara ini boleh diatasi semasa mentadbir soal selidik. Dalam hal ini, pengkaji memastikan responden diberi masa yang sesuai untuk memberikan maklum balas dengan mengurangkan prasangka responden ( contoh kajian adalah SULIT ) dan hanya mendapatkan maklum balas apabila dipersetujui sendiri oleh responden. Jika dipaksa, mereka mungkin kurang memberi kerjasama. Bila dilaksanakan, pengkaji harus mengutip data semasa responden ‘senang’ atau dalam keadaan yang gembira melainkan pengkaji mempunyai matlamat yang berbeza.

Kebolehpercayaan juga boleh dipertingkatkan dengan menggunakan kaedah uji-ulang-uji atau kaedah ujian setara. Pengkaji mentadbirkan soal selidik sebanyak dua kali pada masa yang berlainan atau membuat perbandingan dengan soal selidik yang mempunyai ciri yang sama. Kaedah ini jarang sekali digunakan kerana masalah teknikal seperti kemudahtadbiran kali kedua atau mempunyai alat yang hampir sama. Dengan itu, kaedah bagi dua atau konsep setara lebih popular daripada kaedah lain.

Bukti kebolehpercayaan selalunya diperoleh dengan menggunakan kaedah statistik, iaitu satu indeks yang dikira menggunakan korelasi antara dua item ataupun kesetaraan antara beberapa item dalam sesuatu konsep self-esteem.